

## SAINS NUKLEAR

Meneroka ilmu asas sains nuklear, biologi sinaran, pengesanan sinaran, kimia sinaran, teknologi nuklear dalam industri, fizik atom, radiokimia, fizik nuklear, radiobiologi, fizik kesihatan, teknik nuklear dalam perubatan, kimia industri nuklear, kimia radio farmaseutikal keselamatan industri, peralatan nuklear dan fizik reaktor.

Mempraktikkan teori-teori yang dipelajari melalui aktiviti-aktiviti di dalam makmal.

Menjalani Latihan Industri - Pengalaman professional dan teknikal

### PELUANG KERJAYA PROGRAM SAINS NUKLEAR

- Tenaga akademik
- Pegawai Sains dan Pegawai Sains Fizik di hospital-hospital, contoh dibahagian-bahagian yang memerlukan pengetahuan tentang sinaran seperti x-ray, CT scan, dan sebagainya serta di Agensi Perlesenan Tenaga Atom (AELB)
- Pegawai Penyelidik di agensi-agensi kerajaan seperti di Agensi Nuklear Malaysia
- Pegawai Perlindungan Sinaran Bertauliah
- Radiografi Industri syarikat petroleum dan gas

## SAINS BAHAN

Ilmu multidisiplin yang mencakupi asas sains iaitu Fizik, Kimia dan Matematik - logam, polimer, seramik, komposit dan semikonduktor.

Teknik penyelidikan - tiga peringkat Latihan Amali di makmal dan Latihan Ilmiah dalam bentuk projek penyelidikan

Menjalani Latihan Industri - Pengalaman professional dan teknikal

### PELUANG KERJAYA PROGRAM SAINS BAHAN

- Jurutera dalam pelbagai sektor industri seperti minyak dan gas, polimer, semi konduktor dan lain-lain
- Pengawal kualiti (QC) di kilang-kilang dan industri
- Penyelidik di jabatan R&D
- Eksekutif pemasaran instrument saintifik
- Ahli akademik (pensyarah)
- Pentadbiran dan Pengurusan



## MENGAPA KAMI?

- ✓ Tenaga pengajar yang profesional dan terkemuka dalam bidang masing-masing.
- ✓ Sistem mentor-mentee antara pensyarah dan pelajar.

## MATLAMAT

Melahirkan graduan yang kompeten dan cemerlang

Mendedahkan pelajar kepada kaedah pengendalian canggih dan moden instrumentasi

Mendekatkan pelajar kepada dunia luar yang sebenar dengan mengadakan lawatan industri, ceramah kerjaya

Melengkapkan kemahiran insaniah pelajar

## FIZIK

Meneroka ilmu asas Fizik dan gunaan seperti Mekanik, Termodinamik, Gelombang & Optik, Elektromagnet, Fizik Moden, Astronomi, Fizik Bahan dan Tenaga.

Penekanan juga diberikan untuk pengukuhan pelajar di dalam bidang teori, matematik, instrumentasi dan Fizik dalam kehidupan seharian.

Pelajar akan melaksanakan projek penyelidikan dan latihan amali di makmal.

Menjalani Latihan Industri-Pengalaman professional dan teknikal

## PELUANG KERJAYA PROGRAM FIZIK

- Tenaga akademik
- Jurutera dalam pelbagai sektor seperti jaminan kualiti (QA), minyak dan gas, elektrik, geoteknik, teknikal dan perisian
- Pegawai perlindungan sinaran
- Pengaturcara komputer
- Pegawai sains, pegawai penyelidik dan pegawai meteorologi
- Pegawai tadbir diplomatik
- Eksekutif pemasaran peralatan saintifik